



**KENYATAAN MEDIA**  
**KAUKUS DEMOKRASI PELBAGAI PARTI (KDPPP)**  
**23 OGOS, 2025**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KDPP Sokong Pemerkasaan Jawatankuasa Pilihan Tetap di Parlimen, Gesa Pembaharuan Diperluaskan ke Dewan Undangan Negeri**

**Kuala Lumpur, 23 Ogos 2025:** Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP) mengalu-alukan pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah menginstitusikan sepuluh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JKPK) menjadi jawatankuasa pilihan tetap yang diselaraskan dengan portfolio kementerian, serta pengenalan semula Akta Perkhidmatan Parlimen (PSA) baru-baru ini. Reformasi sebegini akan memperkukuh peranan semak dan imbang oleh badan Legislatif terhadap Eksekutif. Penginstitusian dan pemerkasaan jawatankuasa di Dewan Rakyat akan membantu membina rangkaian Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang yang lebih berpengetahuan, fokus dan bebas; sekaligus memperbaiki proses tadbir urus serta meningkatkan fungsi semak dan imbang Parlimen.

Seiring dengan penekanan terhadap reformasi di peringkat Persekutuan, KDPP menggesa kerajaan-kerajaan negeri agar menunjukkan keutamaan yang sama dalam melaksanakan reformasi legislatif di peringkat negeri. KDPP bekerjasama rapat dengan sekretariat, Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) untuk mengadakan libat urus dengan kerajaan negeri serta pihak berkepentingan bagi membincangkan reformasi institusi khusus yang boleh dilaksanakan di negeri-negeri berbeza, khususnya berkenaan isu pemerkasaan Dewan Undangan Negeri (DUN), pendanaan politik dan Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF).

Bagi mendorong reformasi di peringkat negeri, KDPP menggesa DUN disetiap negeri untuk menzahirkan komitmen terhadap perkara-perkara berikut:

- a) mereformasi dan memperkasa Jawatankuasa DUN** bagi memastikan lebih banyak peluang untuk ADUN menyemak rang undang-undang serta dasar-dasar negeri,



memantau dan menilai majlis mesyuarat kerajaan negeri, agensi negeri, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan berkanun;

- b) mengiktiraf peranan Ketua Pembangkang dan Kabinet Bayangan; dan**
- c) meningkatkan jumlah hari persidangan DUN**

Keutamaan harus diberikan kepada peranan DUN untuk bersikap proaktif dan memulakan wacana awam yang serius mengenai perubahan yang boleh dilaksanakan bagi memperkukuh demokrasi di peringkat negeri.

Menyedari kepentingan membina gabungan dan rangkaian pihak berkepentingan serta penyokong reformasi institusi, khususnya di peringkat negeri, KDPP bersedia menghulur bantuan kepada mana-mana ADUN, badan pemikir negeri, jabatan negeri atau pihak berkepentingan lain untuk bekerjasama dengan KDPP dalam apa jua bentuk bagi menggerakkan usaha memperkukuh tadbir urus demokratik di peringkat negeri. Sifat KDPP yang merentas parti dan negeri meletakkan kami di dalam kedudukan yang unik sebagai sebuah platform untuk berbincang, memahami dan memperjuangkan reformasi demokratik yang penting di peringkat negeri. Kami menantikan kerjasama dengan semua pihak bagi mencapai sebuah Malaysia yang lebih demokratik.

**Dikeluarkan oleh:**

**Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP)**

-TAMAT-

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Ryan Panicker**

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program, IDEAS

ryannesh@ideas.org.my

017-2919087

**Ahmad Salami**

Pegawai Program Kanan, BERSIH

salami@bersih.org

013-2713484



### **Mengenai KDPP**

Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP) merupakan kaukus pelbagai parti dan merentas negeri yang pertama di Malaysia, melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang ditubuhkan untuk memperjuangkan reformasi institusi dan memperkukuhkan tadbir urus demokrasi di peringkat negeri. Kaukus ini dianggotai oleh ADUN dari lima buah negeri yang berbeza merangkumi pelbagai spektrum politik, bersama wakil-wakil daripada organisasi masyarakat sivil. KDPP dikendalikan bersama oleh Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH).

### **MEDIA STATEMENT**

**BY KAUKUS DEMOKRASI PELBAGAI PARTI (KDPP)**

**23 AUGUST 2025**

### **FOR IMMEDIATE RELEASE**

### **KDPP Welcomes a Stronger Parliament Committee System in Parliament, Urges States to Emulate these Reforms at the Dewan Undangan Negeri (DUNs)**

**Kuala Lumpur, 23 August 2025:** The Multi-Party Democracy Caucus or Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP) welcomes the amendment to the Dewan Rakyat Standing Orders, which institutionalised the ten ad-hoc Parliamentary Special Select Committees (PSSCs) into permanent select committees aligned to ministerial portfolios, as well as the recent re-enactment of the Parliamentary Services Act (PSA). Together, these reforms would strengthen the checks and balances role of the Legislative branch over the Executive. Formalising and empowering the committees in the Dewan Rakyat would help build a network of more knowledgeable, focused and independent capacity among backbenchers and opposition members of Parliament, hence improving the governance process and enhancing checks and balances of Parliament.

Given the emphasis on reforms at the Federal level, KDPP is compelled to urge similar urgency among state governments to initiate similar legislative reforms at the state level. KDPP is working closely with our secretariat, Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) and the Coalition for Clean and Fair Elections (BERSIH) to engage with state governments and entities to discuss specific institutional reforms that can be implemented in different states,



especially on issues regarding empowerment of the Dewan Undangan Negeri (DUN), political financing and constituency development fund (CDF).

In order to push for reform at the state level, the KDPP urges the DUNs to commit to the following:

- a) **reform and empower the DUN Committees** to ensure more opportunities for ADUNs to scrutinise state bills and policies, monitor and evaluate majlis mesyuarat kerajaan negeri, state agencies, government-linked companies (GLCs) and statutory bodies,
- b) **recognising the role of the Leader of the Opposition and Shadow Cabinet**, and,
- c) **introduce more sitting days for the DUN**

It is important for DUNs to be proactive and initiate serious public discourse on actionable changes that can be made to improve democracy at the state level.

Recognising the critical nature of building coalitions and networks of stakeholders and supporters of institutional reforms, especially at the state level, the KDPP extends an open hand to any ADUNs, state think tanks, state departments or other stakeholders to collaborate with the KDPP in any form to push the work of strengthening democratic governance in different states. The multi-partisan and cross-state nature of the KDPP places us in a unique position as a platform to discuss, understand and advocate for critical democratic reforms in different states. We look forward to working with all parties to achieve a more democratic Malaysia.

**Released by:**

**Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP)**

— END —

For enquiries, please contact:

**Ryan Panicker**

Assistant Manager, Advocacy and Events, IDEAS

[ryannesh@ideas.org.my](mailto:ryannesh@ideas.org.my)

[017-2919087](tel:017-2919087)

**Ahmad Salami**

Senior Program Officer, BERSIH

[salami@bersih.org](mailto:salami@bersih.org)

013-2713484

**About KDPP**

The Kaucus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP) is Malaysia's first multi-party, cross-state caucus of State Assembly Members (ADUNs), established to champion institutional reform and strengthen democratic governance at the state level. Comprising ADUNs from five different states and spanning the political spectrum, alongside representatives from civil society organisations, the caucus is jointly facilitated by the Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) and the Coalition for Clean and Fair Elections (BERSIH).